

PEMIKIRAN POLITIK HASSAN AL-BANNA, SYED QUTB DAN TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT : SATU ANALISIS

Ahmad Izahan Ibrahim^{1,2}, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UNISZA, Kuala Terengganu, Malaysia

²Sekolah Kebangsaan Tok Sangkut, Kelantan, Malaysia

Penulis koresponden: Ahmad Izahan Ibrahim
ahmadizahan71@yahoo.com

Abstrak : Dalam Al-Qur'an tidak dinyatakan secara langsung mengenai sistem politik Islam. Oleh yang demikian, sumber utama rujukan politik Islam adalah sistem yang diamalkan baginda Rasulullah S.A.W semasa kepimpinan baginda di Madinah. Objektif artikel ini adalah untuk menganalisis pemikiran politik serta konsep negara Islam oleh Hassan al-Banna dan Sayyid Qutb dari Ikhwanul Muslimin dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Metodologi kajian adalah analisis kandungan terhadap bahan-bahan penulisan berkaitan tokoh-tokoh ini. Analisis mendapati ketiga-tiga tokoh politik Islam ini mempunyai persamaan dari segi latar belakang pendidikan agama serta pandangan politik pemerintahan dalam Islam yang mana mesti dibangun atas asas yang bersumber kehendak Allah SWT. Ketiga-tiga tokoh ini juga terlibat aktif dalam politik serta menjawat jawatan tertinggi dalam parti politik yang dianggotai. Walaupun zaman bertambah maju dan modern, kewujudan negara Islam masih relevan untuk dilaksanakan. Seluruh umat Islam wajar sekali bangkit untuk mendaulatkan Islam dalam kehidupan agar tegaknya syariat Allah di muka bumi.

Kata Kunci: al-Banna, Sayyid Qutb, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, politik Islam

Pendahuluan

Setiap negara memiliki sistem politik yang berbeza, namun sistem politik Islam mempunyai peraturan politik yang menjamin keadilan dalam pemerintahan. Dalam al-Qur'an tidak dinyatakan secara langsung mengenai sistem politik Islam, maka sumber utama rujukan politik Islam adalah sistem yang diamalkan baginda Rasulullah S.A.W semasa kepimpinan baginda di Madinah, yang merupakan negara pertama mengamalkan dasar-dasar Islam sepenuhnya. Pada fasa selepas kewafatan Rasulullah S.A.W., percaturan politik dan dasar-dasar negara mengalami berbagai perubahan, daripada sistem khalifah oleh para sahabat, kepada sistem monarki pada zaman Muawiyah bin Abi Sufyan yang telah mewariskan pemerintahan kepada anak lelakinya, Yazid bin Muawiyah.

Pemikiran Islam ialah usaha-usaha, idea-idea dan fikiran ulama atau intelektual Islam untuk menjelaskan Islam berdasarkan sumber al-Qur'an dan al-Sunnah. Ulama berusaha bersungguh-sungguh menghasilkan ilmu yang akan memberikan manfaat kepada

masyarakat tentang kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Pemikiran Islam ini lahir adalah bertujuan memberikan penjelasan tentang perkara yang berkaitan dengan Islam dan hubungan manusia dengan Allah S.W.T. dan juga hubungan sesama manusia. Tinjauan dari sudut sejarah, pemikiran Islam ini berlaku sejak zaman Rasulullah S.A.W. iaitu apabila berlaku perbezaan pendapat antara para sahabat tentang masalah fiqah dan sebagainya, tetapi pada masa ini Rasulullah S.A.W. sebagai pakar rujuk berdasarkan wahyu. Semenjak zaman pemerintahan baginda Rasulullah S.A.W. dan Khulafa' ar-Rashidin sampailah ke hari ini, pemikir-pemikir Islam tidak pernah berhenti membicarakan tentang pemerintahan negara menurut Syari'ah Islamiyyah. Sifat agama Islam sebagai satu panduan hidup yang merangkumi semua kehidupan seperti moral, rohaniah, ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan, pemerintahan di peringkat individu dan masyarakat, menjadi penggerak kepada semua jenis pemikiran kemasyarakatan dalam Islam.

Perlaksanaan ajaran-ajaran kemasyarakatan, ekonomi dan pemerintahan Islam oleh Baginda Rasulullah S.A.W. sebagai utusan Allah terakhir dalam sejarah kerasulan manusia, di Madinah selama 10 tahun dengan jelas menunjukkan betapa soal-soal pemerintahan dan tatanegara adalah sebahagian yang paling penting daripada ruang lingkup agama Islam yang begitu luas (Hassan, M. K., 1998).

Metodologi Kajian

Dalam penulisan ini, data kualitatif adalah berbentuk deskriptif iaitu tulisan tentang tokoh-tokoh yang dikaji (S. Taylor and R. Bogdan, 1984). Data kualitatif ini terhasil daripada kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen (penyelidikan perpustakaan). Dokumen adalah sumber yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Bentuk dokumen yang digunakan dalam kajian ini adalah majalah-majalah, akhbar, jurnal-jurnal, kertas-kerja persidangan dan tesis.

Perbincangan Kajian

1. Pemikiran Politik Hasan al-Banna

Hasan al-Banna yang dilahirkan pada 17 Oktober 1906 di kampung Al-Mahmudiyah di daerah al-Bahriah yang terletak lebih kurang sembilan puluh batu dari Kaherah, Mesir (Abd Ghani, M. H., Zulkifli, N., Vitaningtyas, T., 2014). Hasan al-Banna merupakan seorang

pemikir dan aktivis Islam yang telah banyak merumuskan tentang teori-teori politik Islam. Hassan al-Banna juga dikatakan sebagai neo-salafi yang berpegang kepada tiga pandangan dasar iaitu Islam adalah sebuah sistem komprehensif yang mampu berkembang sendiri, Islam memancar dari dua sumber fundamental iaitu al-Qur'an dan al-Hadis serta Islam sesuai untuk segala waktu dan tempat (Yaacob, M. N., 2013).

Hasan al-Banna tidak hanya merumuskan suatu teori tetapi turut terbabit secara langsung dalam memperjuangkan pembentukan sistem pemerintahan Islam. Pemikiran Hassan al-Banna yang berkaitan dengan politik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu reformasi sosial dengan asas akidah, tiada pemisahan antara agama dan negara serta meletakkan syariat Islam sebagai undang-undang tertinggi dalam pemerintahan Islam (Rosmaladewi, 2015). Daripada pemikiran beliau itulah muncul satu slogan politik yang fenomenal iaitu Islam sebagai *al-din wa al-dawlah* (Tahir, A. J. M., 2012). Slogan ini kemudiannya telah menjadi inspirasi dan doktrin penting bagi umat Islam amnya dan Ikhwanul Muslimin khususnya dalam perjuangan mereka menjadikan negara dan pemerintahan lebih Islamik. Asas pemikiran *al-din wa al-dawlah* inilah yang menjadi intipati kepada *siyasah syar'iyah* yang dicetuskan Hasan al-Banna dan kemudian dikembangkan oleh pengikut Ikhwanul Muslimin sama ada yang berada di Mesir mahupun di cabang-cabang lain di seluruh dunia (Tahir, A. J. M., 2012).

Hasan Al-Banna menubuhkan jamaah Ikhwanul Muslimin pada tahun 1928. Beliau selalu menegaskan bahawa jamaah yang didirikannya bukan merupakan parti politik, tetapi merupakan kesatuan idea dari berbagai nilai-nilai perubahan, dalam usaha untuk kembali kepada Islam yang benar dan bersih dan menjadikannya sebagai manhaj yang komprehensif untuk kehidupan. Adapun manhaj perubahan yang beliau lakukan adalah dengan cara “tarbiyah” dan “progresif ” dalam melakukan perubahan yang diinginkan, dan inti dari manhaj yang diinginkan itu adalah membentuk “individu Muslim” lalu “Keluarga Islam”, “masyarakat Muslim”, lalu “Pemerintahan Islam”, “Negara, dan khilafah Islam dan akhirnya mencapai pada “ustadziyatul alam”.

Hasan al-Banna juga dilihat sangat mementingkan autoriti politik sebagai satu kekuatan untuk melaksanakan hukum syariah Islam dalam kehidupan masyarakat dan negara. Dengan panduan hukum syariat Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah, umat Islam dapat mewujudkan keadilan dan kesamarataan dalam kehidupan masyarakat. Beliau juga menekankan dinamisme hukum peradilan dan tugas perundangan yang merancang dan

meminda perlembagaan dalam pentadbiran dan negara Islam. Menurut Hasan al-Banna, institusi pemerintah merupakan salah satu tiang sosial Islam dan Islam tidak membenarkan negara dibiarkan tanpa pemimpin (imam), dan Islam sangat menekankan disiplin dan ketertiban serta tidak membenarkan berlakunya anarki yang diakibatkan oleh pemerintahan yang tidak berlaku adil. Oleh itu, adanya pemikiran bahawa Islam tidak mempunyai kaitan dengan politik adalah satu konsepsi yang salah yang muncul daripada orang-orang yang tidak memahami sumber syariah Islam yakni al-Qur'an dan al-Sunnah (Tahir, A. J. M., 2012). Menurut beliau, orang Islam yang menolak keterkaitan antara Islam dan politik menunjukkan ketidaksempurnaan imannya kepada agamanya.

Pemikiran Hasan al-Banna ini merupakan reaksi dan tanggungjawabnya sebagai pendakwah yang berusaha untuk meluruskan satu pemahaman yang selama ini disuarakan secara bertalu-talu dan diajarkan oleh orientalis kepada umat Islam yang mahu Islam dipandang sebagai agama *ritual an sich* yang tidak mempunyai dimensi lain (lihat Hasan Al-Banna, Majmuah Rasail al-Imam As-Syahid Hasan al-Banna, ttp: Dar at-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1992, hal: 159).

Pemikiran siyasah syar'iyah Hasan al-Banna ini adalah berdasarkan pemahaman yang mendalam wahyu ilahiah yang bersifat asas tentang pentingnya kehidupan masyarakat dan negara yang bertunjang sistem Islam. Bagi Hasan al-Banna, kesyumulan Islam sebagai satu sistem dalam semua elemen kehidupan manusia dan banyak kali ditegaskan dalam al-Qur'an.

2. Pemikiran politik Sayyid Qutb

Sayyid bin Qutb atau lebih dikenali sebagai Sayyid Qutb telah dilahirkan pada 9 Oktober 1906 di sebuah kampung di wilayah Assyut, Mesir. Beliau mendapat pendidikan awal daripada kedua ibu bapanya di rumah. Latar belakang keluarga beliau adalah daripada golongan yang berpendidikan agama. Sewaktu berusia 7 tahun, Sayyid Qutb telah mula menghafal al-Qur'an dan telah berjaya menghafalnya seawal usia 10 tahun. Selesai pengajian peringkat asas, tokoh ini telah melanjutkan pelajaran ke beberapa tempat seperti Madrasat al-Mu'allimin pada tahun 1922, Kulliyah Dar al-Ulum pada 1929 dan telah lulus dengan ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kesusasteraan Arab pada tahun 1933 (Aziz, A. A., Musa, A. F., Zahir, M. S. M., 2011). Setelah menamatkan pengajian di Darul Ulum, Sayyid Qutb telah bertugas sebagai Nazir di Kementerian Pendidikan Mesir dan telah merancang berbagai

pembaharuan di Kementerian Pendidikan serta mengemukakan cadangan tanpa menghiraukan risikonya. Namun pandangan politiknya yang tidak selari dengan polisi kerajaan Mesir ketika itu telah menimbulkan kemarahan kepada Menteri Pelajaran yang menyebabkan beliau dihantar ‘berkursus’ di Amerika Syarikat bertujuan menyekat Sayyid Qutb daripada mengembangkan idea perubahan dalam negara Mesir.

Penglibatan Sayyid Qutb dalam gerakan Ikhwanul Muslimin bermula setelah kematian Hassan al-Banna. Melalui penulisan-penulisan beliau terutama *Fi Zilal Al-Quran*, Sayyid Qutb telah mengubah paradigma pendukung-pendukung gerakan Islam. Beliau menghuraikan Islam sebagai satu ajaran dan perjuangan yang hidup dan dinamik. Islam adalah satu perjuangan yang bergerak dan menggerakkan. Perjuangan Islam adalah haraki. Gerakan Islam adalah haraki. Bagi Sayyid Qutb, perjuangan mendaulatkan syariat hendaklah bersifat haraki dan dilaksanakan melalui sebuah gerakan yang haraki (Sungib, S., 2006). Menerusi buku beliau berjudul *Al-Adalah Al-Ijtima'iyah Fil Islam*, Syed Qutb menyatakan dengan jelas bahawa keadilan masyarakat sejati hanya akan tercapai apabila melaksanakan sistem pemerintahan Islam. Menurut beliau lagi, tugas ahli politik Islam adalah lebih berat berbanding ahli politik bukan Islam kerana selain memastikan rakyat mendapat hak dan pembelaan sewajarnya, tetapi yang lebih penting adalah mengajak rakyat kembali kepada kebenaran (Nor, A. H. M., 2005).

Bagi Sayyid Qutb, sistem politik Islam hendaklah berdasarkan prinsip musyawarah. Konsep musyawarah ini dapat menghapuskan unsur-unsur yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat serta memberikan keadilan kepada masyarakat. Ini kerana melalui konsep ini, setiap individu dalam masyarakat harus mengambil bahagian dalam memutuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan politik (Qutb, S., 1985). Penulisan beliau dalam buku *Ma'alim fit Tariq* dengan terjemahan terkenal dalam Bahasa Inggeris, *Milestones* memberikan satu kerangka fikir ke arah asas-asas dan rangka kerja yang diperlukan bagi mewujudkan masyarakat yang memenuhi syarat-syarat untuk mendaulatkan syariat. Sayyid Qutb telah membahagikan masyarakat kepada dua, iaitu masyarakat Islam dan masyarakat jahiliyah. Masyarakat Islam adalah masyarakat yang melaksanakan Islam, baik dalam akidah dan ibadah, dalam syariat dan nizam, maupun dalam akhlak dan perilaku. Sebaliknya, masyarakat jahiliyah adalah masyarakat yang tidak melaksanakan Islam. Masyarakat ini tidak dikendalikan oleh akidah dan konsepsi Islam, juga tidak oleh nilai, mizan, syariat, akhlak dan perilaku Islam. Pembagian masyarakat ke dalam dua jenis ini terasa agak ketat, hitam putih

dan terkesan ekstrem. Dengan demikian, kriteria masyarakat untuk disebut Islam atau jahil adalah tergantung dari dijalankan tidaknya ajaran Islam (Badarussamsi, 2015).

3. Pemikiran politik Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA)

Nama penuh beliau adalah Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, namun dalam penulisan ini digunakan TGNA untuk mempermudah penulisan. Beliau dilahirkan pada tahun 1931 di Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan dan adalah dari keturunan Raja Jembal. Raja Jembal adalah salah sebuah institusi beraja yang memerintah Kelantan pada abad ke-17 dan ke-18. Pusat pemerintahannya ialah di Jembal atau sekarang dikenali sebagai Kedai Lalat. Ayah TGNA iaitu Nik Mat merupakan generasi kelima daripada keturunan Raja Abdullah bahkan bapa beliau (datuk TGNA) masih bergelar Raja iaitu Raja Banjar (Nik Mat bin Raja Banjar bin Raja Abdullah bin Raja Mamat). TGNA yang merupakan anak kedua daripada keseluruhan 18 orang adik beradik ini sangat cintakan ilmu serta suka membaca dan peribadi mulia ini sebenarnya telah dipupuk oleh ayah beliau sedari kecil (Habibul Izzah Ahmad, 1997). Ayahanda TGNA Nik Mat mempunyai empat orang isteri. TGNA merupakan anak kedua dari lapan orang adik-beradik daripada isteri pertama. Ibu TGNA bernama Aminah binti Majid. Keluarga TGNA terutama ayah beliau sangat kuat berpegang kepada ajaran Islam. Nik Mat bin Raja Banjar pernah dilantik sebagai anggota ulama Majlis Agama Islam Kelantan lebih dikenali dengan panggilan Tuan Guru Nik Mat Alim disebabkan beliau arif dalam ilmu-ilmu agama serta mengendalikan institusi pengajian pondok di Kampung Kedai Lalat (Salleh, M. A. M., 2015). Nik Mat Alim juga telah berguru dengan ramai tokoh ulama Alam Melayu antaranya Tuan Guru Muhammad Yusuf (lebih dikenali dengan nama Tok Kenali), Tuan Guru Haji Wan Musa (Mufti Kelantan 1874-1939), Syeikh Azhari (ulama tasawwuf dari Sudan) dan Tok Khurasan (Habibul Izzah Ahmad, 1997). Selain seorang yang warak, Nik Mat Alim juga seorang yang sangat tegas dan turut digelar Nik Mat Pongoh kerana sikap tegas beliau terhadap anak dan muridnya serta keberaniannya menyatakan kebenaran secara terbuka terutama dalam usaha beliau menentang amalan-amalan khurafat (Yusuff, L., 2009). Ketegasan beliau inilah yang telah berjaya membentuk jatidiri anak lelaki sulungnya iaitu TGNA kuat kecintaannya terhadap Islam.

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat mulai berkecimpung dengan dunia politik dengan mendekati Parti Islam Se-Malaysia (PAS) setelah beliau tertarik dengan cara penyampaian tokoh-tokoh PAS antaranya Ustaz Shafie dan Abdul Samad Gol yang

berceramah berkaitan Islam sebagai teras dalam perjuangan PAS (Yaakub, H., 1992). Walaupun TGNA dianggap sebagai seorang Ulama yang konservatif (Saat, N., 2010), ketokohan dan pengaruh yang ada pada TGNA telah diiktiraf di peringkat dunia dan telah disenaraikan di antara 50 orang tokoh Islam berpengaruh di dunia pada tahun 2009. Nama TGNA telah terdFTAR dalam buku berjudul *The 500 Most Influential Muslims* bersama-sama tokoh Islam lain seperti Recep Tayyip Erdogan (Presiden negara Turki), Dr Muhammad Sayyid Tantawi (Sheikh Universiti Al-Azhar), Sheikh Dr Yusuf Qaradawi (Presiden Kesatuan Ulama Dunia), Sheikh Dr Ali Goma'a (Mufti negara Mesir) dan Sheikh Abdul Aziz Ibn Abdullah Aal al Sheikh (Mufti negara Arab Saudi) (Marques, E., Ghazi, U. (2010).

Negara Islam menurut TGNA adalah satu negara yang didirikan berdasarkan prinsip-prinsip Islam, di mana *al-Quran*, *al-Sunnah*, *Qiyas* dan *Ijmak* dijadikan landasan dan sumber hukum (perlembagaan) negara tersebut. Asas konsep negara Islam adalah mengikut apa yang telah dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W.. Menurut TGNA, dalam konteks berkerajaan sama ada sebuah negeri mahupun negara hendaklah sesuai dengan apa yang ditentukan oleh agama. Demikian juga tatakala mengurus dan mentadbir negeri, maka ada undang-undangnya yang mengatur semua segi perjalanan pentadbiran. Oleh itu, apa yang ditunjuk oleh Nabi Muhammad S.A.W. sepanjang menjadi utusan Allah ketika memerintah Madinah adalah tertubuhnya perlembagaan Madinah. Kandungannya amat jelas tidak bercanggah dengan kehendak agama itu sendiri (Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2010).

Beberapa ciri yang diperlukan dalam pembentukan negara Islam seperti yang digariskan oleh TGNA antaranya ialah perlembagaan negara Islam merupakan undang-undang pokok bagi sebuah negara mestilah berpaksikan undang-undang Islam iaitu *al-Quran*, dan *al-Sunnah* selain *Qiyas* dan *Ijmak* (Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2010). Ciri-ciri yang lain adalah penekanan pengabdian manusia kepada Allah dan tidak berlaku kepada selain Allah. Beliau menjelaskan Islam memandang manusia hanyalah penumpang di bumi Allah S.W.T.. Apa yang dimiliki oleh manusia sebenarnya tidaklah secara mutlak, kerana ia merupakan milik Allah S.W.T. (Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2010). Selain itu, TGNA turut menegaskan bahawa kedaulatan Syariah Islamiyyah dalam negara bermaksud segala kegiatan pentadbiran dan aktiviti kemasyarakatan hendaklah tunduk dan patuh kepada peraturan Islam/Syariah (Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2010). Menurut beliau lagi, kepimpinan negara Islam haruslah terdiri daripada barisan para ulama yang memiliki kemampuan dan memenuhi syarat kelayakan menurut konsep kepimpinan Islam. Model ini

adalah satu lanjutan daripada sistem pemerintahan Islam pada zaman awal Islam. Motto Kepimpinan Ulama adalah motto yang dipelopori sewaktu beliau mula memegang jabatan sebagai Menteri Besar Kelantan (Taib, H., 2000). Menurut TGNA lagi, agama dan politik tidak boleh dipisahkan. Beliau menegaskan bahwa memerintah dan mentadbir negara, pada hakikatnya termasuk di dalam urusan agama. Ini dibuktikan oleh Rasulullah S.A.W. sendiri yang juga merupakan Perdana Menteri negara Islam Pertama berpusat di Madinah Al-Munawwarah telah setiap hari mengurus urusan kenegaraan. Ini sekaligus menafikan dakwaan sebahagian pihak bahawa pentadbiran negara, ialah urusan yang berasingan dengan agama. Rasulullah S.A.W. telah membuat perjanjian tertulis dengan musuh tradisi iaitu Yahudi di Madinah. Baginda juga turut mengirim surat-surat kepada Raja-raja yang ada di sekitar Semenanjung Arab serta mempunyai cop mohornya sendiri. Ini menunjukkan asas-asas pentadbiran negara telah diletakkan oleh baginda (Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2010).

Rumusan

Pemikiran politik TGNA adalah selari dengan pemikiran Hassan al-Banna dan Syed Qutb yang mengutamakan kepentingan Islam dalam pentadbiran sesebuah negara. Ini adalah bersamaan dengan konsep yang telah diwariskan oleh Rasulullah S.A.W. dan para khulafa al-Rasyidin. Walaupun zaman bertambah maju dan moden, kewujudan negara Islam masih relevan untuk dilaksanakan. Seluruh umat Islam wajar sekali bangkit untuk mendaulatkan Islam dalam kehidupan agar tegaknya syariat Allah di muka bumi.

Penghargaan

Penulis merakamkan terima kasih kepada kakitangan Institut Pemikiran Tok Guru, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia atas kerjasama dalam mendapatkan sumber-sumber maklumat.

Rujukan

- Abd.Ghani, M.H., Zulkifli, N., Vitaningtyas, T. (2014). Konsep Tarbiyah Islamiyah dari Persektif Hasan al-Banna. *Proceedings of Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam 2014*.
- Aziz, A.A., Musa, A.F., Zahir, M.S.M. (2011.) *Seminar Pemikiran Politik Islam : Asy-Syahid Sayyid Qutb*. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Badarussamsi (2015) Pemikiran Politik Sayyid Qutb Tentang Pemerintahan Islam. *Tajdid*. XIV(1), 165–188.
- Habibul Izzah Ahmad (1997) *Tuan Guru Dato'Haji Abdul Aziz Nik Mat: Sebutir Sinar di Serambi Mekah*. Universiti Malaya.
- Hassan, M.K. (1998). *Pemikiran Politik Islam*. In *Dasar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 111 – 136.
- Marques, E., Ghazi, U. (2010). *The 500 most influential muslims 2010*. J. Esposito & I. Kalin, eds. Washington D.C: Georgetown University.
- Nor, A.H.M. (2005). *Etika politik menurut pandangan Sayyid Qutb*. In Z. A. Ghani & M. S. Y. Abdullah, eds. *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Qutb, S. (1985). *Jalan Pembebasan Rintisan Islam Menuju Perdamaian Dunia*. Yogyakarta: Salahuddin Press.
- Rosmaladewi (2015) Pemikiran politik Hasan al-Banna. *Nurani*. 15(2), 75–88.
- S. Taylor and R. Bogdan (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings, Second edi*. Toronto: John Wiley and Sons.
- Saat, N. (2010). *The State, Ulama and Religiosity: Rethinking Islamization of Contemporary Malaysia*. Tokyo: The University of Tokyo Centre For Philosophy.
- Salleh, M.A.M. (2015). *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dalam kenangan*. Fifth edit. Batu Caves: Publishing House Sdn Bhd.
- Sungib, S. (2006) Hasan al-Banna dan Sayyid Qutb: Antara Dua Waqi' Yang Berbeza. [online]. Retrieved from: <https://ummahonline.wordpress.com/2006/11/28/hasan-al-banna-dan-sayyid-qutb-antara-dua-waqi-yang-berbeza/>.
- Tahir, A.J.M. (2012.) *Hakikat Pemikiran Politik Hasan Al-Banna*. Dr. Aziz Jamaludin Mhd Tahir.

Taib, H. (2000) *Model Kerajaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Ulama Pas Pusat.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (2010) Teks ucapan : Ibadat Haji Bayangan Perjalanan Menuju Kematian.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (2010) Teks ucapan Sempena Majlis Sambutan 20 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (2010) Teks ucapan sempena Pembukaan Majlis Persidangan Menteri Besar/Ketua Menteri Negeri Pakatan Rakyat.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (2010) Teks ucapan Tekad Bersama Melaksana Hududullah

Yaacob, M.N. (2013) Biografi Hasan al-Banna dan Sumbangannya Terhadap Pemurnian Akidah Umat Islam. *Jurnal KIAS*. VIII.

Yaakub, H. (1992). *Peribadi Tuan Guru*. Kuala Lumpur: Printerus.

Yusoff, I. (2009) *Pemikiran dan Perjuangan dan Politik Nik Abdul Aziz bin Nik Mat 1964-2004*. Universiti Malaya.